

DASAR PRIVASI

Kami amat memandang serius tentang hal perlindungan data peribadi anda dan berusaha untuk memastikan penggunaan perkhidmatan yang selamat. Kami juga komited untuk melaksanakan dan memenuhi prinsip perlindungan data serta segala syarat Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 yang relevan. Dasar Privasi ini menerangkan data jenis apa yang dikumpul, didedahkan dan disimpan, tujuan pengumpulan, penggunaan, pendedahan dan penyimpanan data anda, serta bagaimana kami melindunginya.

Kandungan

1. Bidang boleh guna
2. Data bagaimana yang dikumpul?
3. Kuki dan penjejakan web
4. Ukuran penukaran menggunakan piksel tindakan pengunjung Facebook
5. Perkongsian
6. Tujuan mengumpul data dan penggunaan data
7. Keselamatan data dan memindahkan data
8. Hak pembatalan, maklumat, menukar data, dan butiran hubungan
9. Tidak memerlukan persetujuan

1. Bidang boleh guna

Dasar ini terpakai untuk laman web <http://www.partner.cashbackworld.com>. Sila ambil perhatian bahawa laman web ini merujuk kepada laman web Cashback World tambahan, termasuk yang di negara lain, yang mungkin menggunakan pakai peraturan perlindungan data yang lain.

Dalam usaha kami yang berterusan untuk membangunkan laman web dan menambahbaik perkhidmatan, kami mungkin perlu meminda dan menyemak semula Dasar Privasi ini. Sekiranya ini berlaku, kami akan memaklumkan kepada anda melalui emel, pengumuman, atau apa-apa cara lain, yang dianggap sesuai setelah melaksanakan pindaan dan semakan semula. Dengan memilih untuk menjadi Loyalty Merchant untuk Cashback World setelah menerima maklumat atau pengumuman tersebut daripada kami, anda dianggap bersetuju dengan pindaan Dasar Privasi Data ini, kandungannya yang membuat anda terikat.

2. Data yang bagaimana yang dikumpul?

Data peribadi anda yang dikumpul, disimpan dan diproses termasuk sebarang maklumat peribadi dan bahan yang diterima daripada anda berkaitan dengan keahlian Cashback World, penglibatan anda didalam Program Cashback World sebagai Loyalty Merchant, pesanan anda untuk Cashback World Partner Programmes dan yang mungkin dikaitkan dengan anda secara langsung ataupun tidak langsung (contohnya melalui nombor keahlian anda dan Loyalty Merchant ID). Ini termasuk pengenalan ahli anda, nama penuh, pangkat, jantina, tarikh lahir, alamat surat-menyurat, koordinat alamat (longitud dan latitud), nombor telefon, nombor faks, alamat emel, butiran bank. Kami jug memproses maklumat berkenaan dengan Loyalty Merchant ID, Perbadanan syarikat dan tarikh penubuhan, nombor syarikat, alamat syarikat, sector, nombor cukai, alamat bil emel, nombor fax, laman sesawang syarikat, sector, maklumat jualan, maklumat bank, nama, alamat emel, Tarikh lahir dan nombor telefon syarikat anda untuk tempahan produk Cashback World Partner Program dan produk-produk lain.

3. Kuki dan penjejakan web

Laman web kami menggunakan kuki, iaitu fail dengan teks bersaiz kecil yang disimpan di komputer anda dan boleh diakses setiap kali anda masuk ke laman web kami. Kuki membolehkan anda untuk log masuk ke perkhidmatan kami dan membantu kami menyesuaikan laman web ini untuk anda agar dapat menawarkan pengalaman pengguna yang lebih bermanfaat.

Anda juga boleh menggunakan sebahagian daripada laman web kami tanpa mendaftar atau log masuk sebagai Ahli Komuniti Membeli-Belah Cashback World. Dalam hal ini, sesetengah maklumat juga akan direkod/dikumpul secara automatik bagi membolehkan kami mengumpul data statistik berkenaan penggunaan dan keberkesanan laman web ini dan menyesaikannya agar memenuhi keperluan pengguna dan menambahbaik pengalaman pengguna. Oleh itu, kami menyimpan, mengumpul dan memproses maklumat seperti alamat IP anda, masa dan tempoh kunjungan, jumlah kunjungan, penggunaan borang dalam talian, tetapan carian anda, tetapan pandangan anda, serta pandangan kegemaran anda di laman web ini. Kuki disimpan untuk tempoh yang berbeza, tetapi tempoh simpanan tidaklah lebih panjang daripada yang diperlukan dan tidak melebihi setahun. Kebanyakan kuki yang digunakan akan dipadamkan secara automatik sebaik sahaja anda meninggalkan laman web ("Kuki Sesi"). Kami merekod setiap kali laman web ini diakses dan setiap kali pengguna membuka mana-mana fail yang disimpan di laman web ini. Kuki yang ditetapkan bertujuan untuk koleksi kami semata-mata, sebagaimana yang dinyatakan di atas, dan diproses oleh mWS myWorld Solutions AG (Grazbachgasse 87-93, 8010 Graz, Austria) bagi pihak MWM myWorld Malaysia Sdn. Bhd., Menara Maxis, Tingkat 13, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia bagi menilai maklumat yang dikumpul. Untuk tujuan ini, maklumat dipindahkan dan disimpan menggunakan kaedah penyulitan, dan maklumat tersebut akan dipadam setelah diproses.

Setelah dibenarkan oleh pelayar kami dan/atau perkhidmatan sokongannya, anda boleh menguruskan kuki menerusi tetapan pelayar. Namun, sila ambil perhatian bahawa sekiranya anda menolak atau menyahdayakan kuki, pengalaman dan kecekapan anda sebagai pengguna dalam keadaan tertentu mungkin terjejas, contohnya anda mungkin tidak dapat menyimpan pilihan dalam penggunaan laman web kami.

Kami menggunakan JavaScript untuk merekod amalan penggunaan di laman web ini agar dapat menyesuaikan perkhidmatan laman web ini dengan keperluan pengguna. Ini dilakukan dengan mengenal pasti jenis pelayar, lokasi, masa, dan tempoh penggunaan, URL, nama laman, dan laman web yang merujuk anda ke laman kami. Anda berhak menghalang kami daripada mencatat data ini dengan melumpuhkan JavaScript secara langsung di pelayar anda. Walaubagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa melumpuhkan JavaScript mungkin akan menghadkan fungsi laman web ini.

Kami juga menggunakan alat berikut:

Google Analytics

Ini merupakan alat analitik web oleh Google Inc., 1600 Amphitheatre Parkway Mountain View, CA 94043, AS, kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Google", untuk merekod aktiviti dalam talian anda di laman web kami dan mengenal pasti jumlah pengguna yang mengunjungi laman kami, kandungan mana di laman web ini yang sedang dilihat, dan berapa banyak kali. Penilaian tersebut dijalankan tanpa menyatakan nama. Kuki Google Analytics, termasuk alat Google Analytics "anonymous IP address" dan data penggunaan, lazimnya dihantar ke pelayar Google di Amerika Syarikat dan disimpan di sana. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ke <https://support.google.com/analytics/answer/6004245?hl=en>. Di <https://tools.google.com/dlpage/gaoptout?hl=en>, Google Analytics menawarkan pilihan untuk keluar daripada koleksi data.

Penggunaan dan keselamatan data oleh Google tidak dapat disemak dan/atau disahkan oleh kami, dan anda boleh merujuk secara langsung kepada Google untuk keterangan lanjut.

Platform Analitik Terbuka Piwik

Platform ini membolehkan kami merekod aktiviti dalam talian anda di laman web dan mengenal pasti berapa ramai pengguna mengunjungi laman web ini di internet, kandungan laman web yang mana yang dilihat, dan kekerapannya. Penilaian tersebut dilakukan tanpa menyatakan nama. Kuki disimpan di komputer anda dan hanya disimpan selagi diperlukan. Anda boleh memadam kuki tersebut daripada pelayar pada bila-bila masa, Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ke <https://piwik.org/faq/>.

Google AdWords

Platform ini digunakan untuk merekod kunjungan laman web untuk tujuan pengiklanan (pemasaran semula) di Google dan dalam Rangkaian Paparan. Apabila anda mengunjungi suatu laman web, pelayar anda menyimpan kuki yang membolehkan anda dikenali sebagai pengunjung apabila anda mengunjungi laman web milik rangkaian pengiklanan Google. Di laman-laman ini, iklan berkaitan kandungan yang telah anda lihat sebelum ini di laman web lain yang menggunakan fungsi pemasaran semula Google boleh diberikan kepada anda sebagai pengunjung, Anda boleh memilih untuk keluar daripada koleksi data oleh Google AdWords di laman web <http://www.google.com/settings/ads>.

Penggunaan pindahan dan keselamatan data oleh Google tidak dapat diperiksa dan. atau disahkan oleh kami. Sila rujuk secara langsung kepada Google untuk maklumat lanjut.

Penjejakan penukaran Google AdWords

Kami menggunakan platform ini untuk menjana statistik penukaran yang mengukur keberkesanan kempen pengiklanan dalam talian kami. Kuki penjejakan penukaran tersebut ditetapkan apabila seseorang pengunjung klik pada iklan yang dipaparkan oleh Google. Menurut dasar privasi Google, data peribadi tidak diproses. Sekiranya anda tidak mahu mengambil bahagian dalam penjejakan, anda boleh memilih untuk menarik diri daripada penggunaan ini dengan melumpuhkan kuki penjejakan penukaran Google dalam tetapan penggunaan pelayar internet anda.

Awan Pemasaran Salesforce

Kami menggunakan platform ini untuk merekod tingkah laku anda di laman web ini dalam mengoptimumkan tawaran produk kami. Platform ini membantu kami untuk menentukan bilangan pengguna yang mengunjungi laman kami di internet, kandungan mana di laman kami yang dikunjungi, dan kekerapannya. Penilaian tersebut dilaksanakan tanpa nama dan digunakan secara automatik oleh bahagian perisik ramalan bagi menambahbaik persembahan tawaran produk kami. Bagi ahli berdaftar, tingkah laku berkaitan pengguna di laman web dicatat bagi menambahbaik pengalaman pengguna dan digunakan untuk memaparkan kandungan berkaitan. Kuki Salesforce lazimnya dihantar ke pelayar Salesforce di Amerika Syarikat dan disimpan di sana.

Kami tidak boleh memeriksa dan/atau mengesahkan penggunaan pindahan dan keselamatan data. Selain itu, kami juga tidak boleh memeriksa dan mengesahkan penggunaan selanjutnya dan/atau keselamatan data.

Hotjar

Kami mengumpul data/maklumat bukan peribadi, termasuk maklumat dan butiran log internet standard berkenaan corak tingkah laku apabila anda mengunjungi laman web kami. Ini dilakukan bagi membolehkan kami menawarkan pengalaman pengguna yang lebih baik, bagi mengenal pasti pilihan, mendiagnosis masalah teknikal, menganalisis trend dan menambahbaik laman web kami.

Maklumat berikut berkaitan peranti dan pelayar anda boleh dikumpul: alamat IP peranti (ditangkap dan disimpan dalam bentuk tanpa nama), resolusi skrin peranti, jenis peranti (pencagam peranti unik), sistem operasi, dan jenis pelayar, bahasa pilihan yang digunakan di lokasi geografi (negara sahaja) untuk paparan di laman web kami. Maklumat berikut dikumpul berkaitan interaksi pengguna anda: kegiatan tetikus (pergerakan, lokasi dan klik), tekanan papan kekunci.

Bagi pensampelan pengunjung, Hotjar juga mencatat maklumat yang dikumpul dari laman web kami: dengan merujuk kepada URL dan domain laman yang dikunjungi, lokasi geografi (negara sahaja), bahasa pilihan yang digunakan untuk memaparkan laman web kami, tarikh dan masa laman web diakses.

Dengan mengunjungi laman yang dipilih untuk ditinggalkan <https://www.hotjar.com/opt-out> dan mengklik pada "Lumpuhkan Hotjar" anda boleh pada bila-bila masa menolak/tidak membenarkan Hotjar mengumpul data anda daripada ketika anda mengunjungi laman web kami.

Anda boleh memilih untuk tidak membenarkan Hotjar mengumpul maklumat/data anda ketika mengunjungi laman web kami pada bila-bila masa dengan mengunjungi laman [Opt-out](http://www.hotjar.com/opt-out) di <http://www.hotjar.com/opt-out> and clicking 'Disable Hotjar'.

Selain daripada kuki yang dinyatakan dalam alat analitik yang digunakan, kuki tambahan berikut digunakan:

Kuki	Pemula	Tujuan.fungsi
Language	Cashbackworld	Kuki ini menyimpan tetapan bahasa pengguna.
cookiesession1	Cashbackworld	Kuki ini digunakan untuk mengagihkan beban permintaan HTTP dalam prasarana rangkaian.

authSession	Cashbackworld	Kuki yang dicipta untuk tempoh satu sesi dan mengandungi ID sesi tersebut.
authToken	Cashbackworld	Kuki pengesahan yang diwujudkan untuk pengguna yang log masuk bagi mengenal pasti mereka secara unik
lyo_AT_cookie_privacystatement	Cashbackworld	Kuki ini digunakan untuk menjejaki sama ada pengguna laman web tersebut telah bersetuju tentang penggunaan kuki.
__RequestVerification_Token	Cashbackworld	Ini merupakan kuki token antipemalsuan yang bertujuan mengelak daripada serangan CSRF.

Sila ambil perhatian bahawa pelayar internet standard menerima kuki mengikut setting tetapan asal. Anda juga boleh tetapkan pelayar untuk menolak atau melumpuhkan semua atau sesetengah kuki atau untuk mendapatkan maklumat daripada anda sebelum kuki baharu diterima. Arahan yang berkaitan diberikan oleh kebanyakan pelayar di bawah menu "Bantuan" di palang menu. Di bawah perkara 'Bantuan', anda juga boleh mendapat tahu cara memadam dan/atau melumpuhkan kuki yang sudahpun diterima.

Anda mungkin tidak berupaya menggunakan semua ciri-ciri dalam laman web kami, dan ini mungkin menjejaskan pengalaman pengguna anda, sekiranya tidak menerima apa-apa atau bebrapa kuki.

Dengan mengakses, log masuk dan/atau menggunakan laman web kami, anda bersetuju bahawa kuki dan alat yang dinyatakan di atas boleh digunakan dan disimpan di peranti anda yang digunakan untuk mengakses dan/atau log masuk ke laman web kami. .

Anda boleh menarik balik persetujuan terhadap penggunaan, pengumpulan, penyimpanan dan/atau pindahan data anda pada bila-bila masa. Penarikan balik seperti itu haruslah dibuat secara bertulis (melalui surat, faks ataupun emel) ke alamat berikut:

MWM myWorld Malaysia Sdn. Bhd.
Menara Maxis, Tingkat 13,
Kuala Lumpur City Centre,
50088 Kuala Lumpur, Malaysia
Emel: service.my@cashbackworld.com

4. Langkah penukaran menggunakan piksel Facebook

Dengan persetujuan anda, kami gunakan "Facebook Pixel" oleh Facebook Inc., 1601 S. California Ave., Palo Alto, CA 94304, AS ("Facebook") di laman web kami. Ini merupakan kuki yang disimpan di peranti elektronik anda dan boleh diakses lagi kemudian. Dengan fungsi ini, tindakan pengguna boleh dijejaki setelah mereka melihat atau klik pada iklan Facebook. Ini membolehkan kami mengukur keberkesanan iklan Facebook bagi tujuan statistik dan penyelidikan pasaran. Data yang dikumpul dengan cara ini tidak dikenali, dalam erti kata lain, tidak menawarkan maklumat berkenaan identiti pengguna. Namun, data tersebut disimpan dan diproses oleh Facebook, maka hubungan dengan profil pengguna masing-masing boleh diwujudkan dan and Facebook boleh menggunakan data tersebut untuk tujuan pengiklannya sendiri, mengikut Dasar Data Facebook (<https://www.facebook.com/about/privacy/>). Anda boleh membenarkan iklan Facebook dan rakan kongsinya untuk memaparkan iklan dari semasa ke semasa di Facebook. Sejenis kuki juga boleh disimpan dalam komputer anda untuk tujuan ini. Dengan mengakses, log masuk dan/atau menggunakan laman web, anda bersetuju dengan penggunaan piksel tindakan pengunjung. Anda sentiasa boleh menolak penggunaan Kuki dan/atau memadam kuki sedia ada.

Anda boleh menarik balik persetujuan untuk menggunakan piksel tindakan pengunjung pada bila-bila masa.

5. Berkongsi

Laman web ini mengandungi butang "Kongsi" untuk rangkaian sosial **Twitter Inc.**, 795 Folsom St., Suite 600, San Francisco, CA 94107, AS, **XING**, yang dikendalikan oleh XING AG, Dammtorstrasse 30, 20354 Hamburg, Jerman, **LinkedIn** Corporation, 2029 Stierlin Court, Mountain View, CA 94043, AS, and **Facebook**, 1601 South California Avenue, Palo Alto, CA 94304, AS. Selain itu, terdapat juga butang "Share" untuk emel. Butang "Share" imo mudah dikenali mengikut logo masing-masing.

Sambungan langsung antara pelayar anda dan pelayan pengendali rangkaian sosial masing-masing wujud hanya apabila anda klik pada butang "Share" masing-masing di laman web ini (dan hanya setelah itu). Menurut pengendali rangkaian sosial yang dinyatakan di atas, data peribadi tidak akan dikutip oleh rangkaian sosial tanpa klik pada butang "Share" masing-masing. Data Peribadi seperti alamat IP antara lain, hanya akan dikumpul dan diproses daripada ahli yang telah log masuk ke dalam rangkaian sosial masing-masing. Sekiranya anda tidak mahu dikaitkan dengan kunjungan ke laman web kami dengan akaun pengguna bagi rangkaian sosial masing-masing, sila log keluar daripada akaun pengguna bagi rangkaian sosial tersebut.

Kami ingin menarik perhatian anda bahawa, sebagai pembekal laman web ini, kami tidak menerima sebarang maklumat berkenaan kandungan data yang dihantar ke rangkaian sosial masing-masing yang dinyatakan di atas dan penggunaannya oleh rangkaian sosial masing-masing, dan anda hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya bagi diri anda sendiri ke atas sebarang kejadian akibat penggunaan rangkaian sosial seperti itu. Untuk maklumat lanjut mengenai penggunaan data oleh rangkaian media sosial yang dinyatakan di atas, sila rujuk ke dasar privasi masing-masing bagi rangkaian sosial yang dinyatakan.

6. Tujuan mengumpul data dan kegunaan data

Kami hanya menggunakan data peribadi anda bagi memenuhi keperluan perundangan. Kami mengumpul dan memproses data peribadi yang anda berikan ketika mendaftar sebagai ahli Cashback World dan sepanjang tempoh keahlian sebagai Loyalty Merchant dan didalam tempoh anda sebagai Loyalty Merchant, hanya sebagai sebahagian daripada usaha memenuhi kewajipan kontraktual terhadap anda, dan seterusnya, hanya dalam hal-hal di mana anda memberikan persetujuan dengan jelas.

Antara lain, kami menggunakan data anda untuk berkomunikasi dan mengesahkan identiti serta menawarkan bahagian ahli peribadi di laman web Cashback World, untuk memproses pertanyaan dan pesanan anda, dan menawarkan perkhidmatan kepada anda. Selain itu, kami juga menggunakan data anda untuk mengenal pasti dan memperuntukkan Manfaat Membeli-belah yang layak untuk anda ikut serta dalam Program Cashback World.

Sekiranya anda juga pernah memberi persetujuan berasingan untuk tujuan tersebut, kami akan menggunakan data anda untuk memaklumkan tentang tawaran dan promosi yang diberikan oleh Loyalty Merchant kami, contohnya.

Tambahan pula, kami mengambil langkah keselamatan yang bersesuaian bagi melindungi data anda di Internet dan bagi mengelak jenayah siber.

Kami boleh dari semasa ke semasa menghantar pengumuman berkaitan perkhidmatan kepada anda jika dianggap perlu (contohnya, notis penyenggaraan kecemasan). Sila ambil perhatian bahawa anda tidak boleh menarik diri daripada menerima pengumuman berkaitan perkhidmatan ini, memandangkan notis tersebut bukan bertujuan untuk pemasaran ataupun promosi.

7. Keselamatan data dan memindahkan data

Kami melaksanakan langkah-langkah tertentu untuk melindungi data peribadi anda, termasuk penyulitan penghantaran data (penyulitan LSS), tembok api, program penahanan penggodam, serta langkah keselamatan terkini lain. Untuk komunikasi melalui emel, kami hanya boleh menjamin keselamatan data mengikut teknologi terkini. Namun, walaupun kami komited untuk melindungi data peribadi anda, tiada jaminan bahawa tidak akan berlaku akses kepada data anda tanpa kebenaran atau tanpa disengajakan.

Pada dasarnya, data anda digunakan oleh MWM myWorld Malaysia Sdn. Bhd. sebagai rakan kongsi kontrak mWS myWorld Solutions AG sebagai pembekal perkhidmatan. Namun, data peribadi anda boleh dikongsi dengan / diserahkan kepada/ didedahkan kepada pembekal perkhidmatan tertentu yang disenaraikan di bawah dan dalam Kumpulan myWorld, Kumpulan Lyconet :

Kami menggunakan pembekal perkhidmatan tertentu untuk mengendalikan perkhidmatan kami, untuk diuar-uarkan kepada ahlinya, dan menguruskan kedudukan kami dalam talian. Kami rmemperakui bahawa kami telah memilih pembekal perkhidmatan ini secara teliti bagi memastikan data diproses secara sah dan selamat. Selain itu, kami juga telah mewajibkan pembekal perkhidmatan untuk menggunakan data peribadi anda mengikut arahan untuk tujuan tertentu dan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010. Penggunaan data anda untuk tujuan lain tanpa kebenaran oleh pembekal perkhidmatan ini adalah dilarang sama sekali.

Selain itu, kami akan berkongsi data anda dengan memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan data dalam Kumpulan myWorld Group yang diperlukan, dengan syarat perkongsian ini diperlukan bagi tujuan pemrosesan dan pengurusan elektronik atau untuk penawaran perkhidmatan yang khusus kepada anda. Syarikat-syarikat Kumpulan myWorld juga diwajibkan mengguna data peribadi anda hanya unyuk tujuan yang dinyatakan di atas dalam setiap kes dan selaras dengan peraturan perlindungan data Malaysia. Perkhidmatan yang berkenaan termasuk khususnya pihak yang dihubungi melalui pesanan elektronik (contohnya emel, SMS, atau pemberitahuan menolak), melalui faks, melalui telefon, atau melalui surat memaklumkan tentang produk dan promosi Loyalty Merchant, mengenal pasti tawaran yang nungkin bersesuaian dengan minat anda, melaksanakan kaji selidik kepuasan, *hotline* operasi, dan transaksi pemrosesan. Sekiranya dan setakat mana diperlukan untuk penawaran perkhidmatan tertentu kepada anda, kami akan membekalkan Loyalty Merchant dengan data peribadi yang diperlukan bagi tujuan ini. Loyalty Merchant sebaliknya diwajibkan menggunakan data peribadi anda hanya untuk tujuan tertentu dalam setiap hal dan selaras dengan peraturan perlindungan data Malaysia.

Kumpulan myWorld Group beroperasi di peringkat antarabangsa. Kegiatan perniagaan, struktur pengurusan dan prasarana teknikal kami melangkaui sempadan negara. Oleh itu, kami juga memindahkan data anda ke luar negara, dan dalam hal demikian, kami akan, sebaik mungkin, memastikan bahawa data peribadi anda selamat dalam bidang kuasa lain, selaras dengan undang-undang dan peraturan masing-masing.

Kami tidak akan berkongsi maklumat peribadi anda dengan sesiapa selain Loyalty Merchant, pembekal perkhidmatan, dan syarikat-syarikat MyWorld yang tersebut di atas, melainkan anda telah memberikan persetujuan.

Anda boleh membatalkan persetujuan untuk memindahkan data pada bila-bila masa. Sekiranya anda ingin membatalkan persetujuan tersebut, pembatalan harus dibuat secara bertulis (melalui surat, faks ataupun emel) ke alamat ataupun emel berikut (mengikut mana yang sesuai):

MWM myWorld Malaysia Sdn. Bhd.
Menara Maxis, Tingkat 13,
Kuala Lumpur City Centre,
50088 Kuala Lumpur, Malaysia
Emel: partner@cashbackworld.com

8. Hak ke atas penarikan balik, maklumat, serta menukar data dan butiran hubungan

Anda mempunyai pilihan, pada bila-bila masa, untuk menarik balik persetujuan berkenaan penggunaan data peribadi anda di masa akan datang yang digunakan di laman web ini tanpa memberi dan.atau menyatakan sebabnya.

Dengan menarik balik persetujuan tersebut, kami tidak lagi berhak untuk menggunakan data anda. Sekiranya anda ingin menarik balik persetujuan, sila hantarkan akuan bertulis (melalui surat, faks, ataupun emel) ke alamat atau emel berikut (mengikut mana yang sesuai):

MWM myWorld Malaysia Sdn. Bhd.
Menara Maxis, Tingkat 13,
Kuala Lumpur City Centre,
50088 Kuala Lumpur, Malaysia
Emel: partner@cashbackworld.com

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan berkenaan penggunaan data peribadi anda atau anda ingin mengemaskini atau membetulkan data, sila hubungi kami di alamat dan emel yang tertera di atas.

Anda boleh menghubungi kami di alamat ataupun emel di atas untuk meminta maklumat berkenaan data peribadi atau untuk mengakses data peribadi anda yang disimpan. Selain itu, anda berhak untuk meminta agar kami membetulkan data peribadi, yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemaskini. Anda berhak meminta kami untuk menghalang, memadam atau mengeluarkan mana-mana atau semua data peribadi yang disimpan. Namun, sekiranya anda tidak lagi bersetuju ataupun meminta agar kami memadam keseluruhan data peribadi tersebut, kami tidak lagi akan terus menawarkan produk dan/atau perkhidmatan kami.

Anda juga boleh menghubungi kami di alamat atau emel yang tertera di atas sekiranya anda ingin menarik balik persetujuan untuk menerima apa-apa pemasaran langsung dan/atau bahan promosi daripada kami.

10. Tidak memerlukan persetujuan

Lycenet tidak memerlukan persetujuan daripada anda terlebih dahulu untuk berkongsi atau mendedahkan data peribadi anda dalam keadaan berikut:-

- a. Isu berkaitan keselamatan negara, keselamatan awam dan kepentingan negara;
- b. Bagi memenuhi keputusan, pertimbangan atau proses guaman lain mahkamah, atau memenuhi keperluan pihak berkuasa kerajaan berkaitan; dan
- c. Data peribadi yang dikumpul daripada maklumat yang didedahkan secara sah dan umum.

Dokumen ini pada mulanya disediakan dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.